

Tidak boleh tunggu harga timah meningkat

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Malay-Ksia sanggup melonggarkan syarat - syarat pelaburan bagi menarik lebih banyak pelaburan asing bagi mewujudkan peluang - peluang pekerjaan untuk rakyat yang kehilangan mata pencarian mereka akibat kejatuhan harga-harga komoditi. UM 4 NOV 1986

Perdana Menteri, Datuk Sr. Dr. Mahathir Mohamad menyatakan, kek ekonomi mungkin tidak banyak bertumbuh tetapi rakyat mesti mempunyai pekerjaan.

"Mereka tidak boleh menunggu sehingga permintaan untuk timah meningkat semula," katanya dalam ucapannya di sesi pertama perbincangan "Meja Bulat" Yayasan EMF (Economie, Monde, Forum), di sini petang ini.

Perbincangan Yayasan EMF (yang merupakan sebuah pertubuhan ekonomi sukarela bukan politik) ini disertai oleh 120 orang ketua eksekutif syarikat, dengan 70 orang daripada merata dunia dan 50 orang lagi dari Malaysia.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia tidak mengharap untuk mencapai paras kemakmuran yang dinikmati pada zaman kegemilangan komoditi - komoditi melalui peningkatan pelaburan asing itu.

"Apa yang kita kejar sebenarnya ialah pekerjaan untuk rakyat yang kehilangan kerja akibat kejatuhan dalam harga komoditi," ujarnya.

Perdana Menteri mengulas dakwaan pihak - pihak tertentu yang menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah berjaya menjauhkan pelaburan asing daripada Malaysia.

Pihak-pihak ini telah mendakwa bahawa DEB telah menyebabkan kemelasetan ekonomi di Malaysia dan kini DEB sanggup ditundakan bagi menarik lebih pelaburan asing ke Malaysia dalam usaha meningkatkan semula ekonomi.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian kepada hakikat bahawa 50 peratus daripada ekonomi Malaysia adalah berdasarkan komoditi dan ekonomi telah terjejas apabila harga - harga komoditi jatuh sebanyak 60 peratus.

Katanya, kalau dikaji, negara - negara pengeluar komoditi yang lain turut terjejas oleh kejatuhan harga komoditi itu, termasuk di negara - negara ASEAN lain yang tidak mempunyai DEB.

Mereka itu, katanya, juga terpaksa mengalihkan perhatian kepada pelabur asing bagi mengatasi masalah pengangguran jangka pendek itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh tentang dasar pandang ke Timur yang telah menimbulkan salah tafsiran.

Katanya, terdapat banyak syarikat sederhana besar di Eropah dan lain - lain negara Barat yang memperlihatkan Malaysia dan ASEAN sebagai kawasan eksklusif negara - negara maju Timur Jauh dan berpendapat bahawa negara - negara Eropah ti-

UM Timah: Tidak boleh tunggu

dak akan mempunyai peluang kejayaan dalam pasaran ini.

Anggapan itu adalah salah, katanya.

Perdana Menteri juga bercakap tentang kegiatan peniaga - peniaga mata wang antarabangsa yang begitu berpengaruh sehingga dapat mengawal nilai mata wang sesebuah negara kecil.

Katanya, peniaga - peniaga mata wang itu mementingkan keuntungan tanpa menghiraukan baik buruknya kegiatan mereka kepada sesebuah negara.

Sesebuah negara kecil, katanya, mungkin mendapat dirinya mislin pasal satu hari sekiranya beberapa peniaga mata wang tiba-tiba mengambil keputusan untuk menjual sebahagian besar daripada mata wang negara berkenaan.

Dengan keuntungan yang dapat diperolehi daripada perniagaan mata wang, perdagangan dalam barangan dan perkhidmatan telah diketepikan walaupun perdagangan mata wang sebenarnya hanya merupakan akibat - akibat manipulasi dan bukannya

keperluan sebenarnya, kata Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Beliau seterusnya memberi jaminan bahawa Malaysia tidak percayakan langkah menurunkan nilai mata wang walaupun nilai ringgit telah diturunkan oleh sistem mata wang dunia yang tidak sesuai.

Walaupun demikian, katanya lagi, Malaysia akan mengambil kesempatan daripada penurunan nilai mata wang ringgit yang telah berlaku ini untuk menjadikannya lebih bersaing dalam pembuatan dan pembekalan perkhidmatan.